

Kepada :

**Para Graduan
Majlis Konvokesyen Ke-20
Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM)**

Para Graduan yang dihormati,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-20 KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM)

Bagi pihak seluruh warga Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian di UCAM.


2. Kejayaan graduan memperolehi ijazah sarjana muda, diploma atau sijil ini membuktikan tahap pencapaian graduan di atas segala usaha yang ditunjukkan dan sudah tentu ia membawa erti yang cukup bermakna dalam hidup graduan. Oleh itu, pergunakanlah ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi untuk berbakti kepada keluarga, agama, bangsa dan negara. Sebagai tanda kesyukuran di atas kejayaan graduan, maka UCAM akan mengadakan Majlis Konvokesyen bertujuan meraikan graduan di samping dapat menjadikan ia satu kenangan yang abadi kepada graduan, rakan-rakan dan keluarga.

3. Sehubungan dengan itu, saya dengan segala hormat dan sukacitanya mempersilakan graduan dan ibu bapa untuk hadir ke Majlis Konvokesyen UCAM Ke-20 yang akan disempurnakan oleh Yb Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) pada **11 JULAI 2023** bertempat di **Dewan Tuanku Canselor, USIM**. Majlis raptai akan diadakan pada **10 JULAI 2023, jam 10.00 pagi**. Untuk keterangan lanjut berkaitan majlis ini, dipohon graduan meneliti Panduan Konvokesyen yang disertakan.

4. Bagi pihak seluruh warga UCAM, saya dengan berbesar hati mengalu-alukan kedatangan graduan dan ibu bapa / keluarga ke Majlis Konvokesyen UCAM Ke-20 dan berharap semoga dengan kehadiran graduan dan keluarga akan memeriahkan lagi majlis ini. Selamat Maju Jaya.

Sekian, terima kasih.

"MEMBENTUK TUNAS CEMERLANG"



.....
FAIZATUL AKMAR BINTI DATO' HISAN
Ketua Eksekutif
Kolej Universiti Agrosains Malaysia